



Antara 20 pelajar UNIMAS dan UiTM yang menjadi mangsa sindiket penipuan pelaburan skim portal di Kota samarahan, semalam. [FOTO NADIA JAMALUDDIN/ BH]

20 terpedaya 'korban' wang PTPTN

» Pelajar UNIMAS, UiTM mangsa tipu skim pelaburan portal dijanjikan pulangan lumayan

Oleh Nur Nadia Hafiza Jamaluddin
bhnews@bharian.com.my

► Kota Samarahan

Lebih 20 pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjadi mangsa kegiatan portal pendidikan yang dikesan berleluasa dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA).

Kegiatan itu mula dikesan pertengahan tahun lalu, apabila pelajar terutama yang baru mendaftar melanjutkan pengajian, ditawarkan melabur dalam perniagaan portal terbabit dan ditawarkan pulangan lumayan. Akibatnya, pelajar yang ter-

pedaya ini menggunakan wang pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi membayar pakej pelaburan antara RM796 hingga RM10,080

Diajak hadir seminar

Salah seorang mangsa dikenali sebagai Zuraidah, 21, berkata dia bersama seorang rakan pada mulanya diajak oleh pelajar senior menghadiri seminar keusahawanan di perpustakaan UNIMAS pada 8 Disember lalu.

Zuraidah yang juga pelajar Fakulti Ekonomi dan Perniagaan berkata, mereka kemudian diminta membayar wang pelaburan termasuk diiring ke mesin pengeluaran wang automatik (ATM) sebelum dijanjikan produk yang akan diterima dalam masa dua minggu.

Kena kepung 10 lelaki paksa bayar wang

● Dari muka 1

"Saya pada mulanya meminta untuk berfikir terlebih dulu, namun didesak wakil syarikat pelaburan agar membayar wang dan kebetulan ketika itu wang pinjaman PTPTN baru dimasukkan ke dalam akaun.

"Apa yang menakutkan, kami dikepung 10 lelaki yang tidak membenarkan kami balik ke kolej tanpa menandatangani borang keahlian dan membayar wang pelaburan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Difahamkan setakat ini, skim pelaburan itu sudah mengaut pelaburan lebih RM20,000 selain ada dalam kalangan pelabur yang diperdaya apabila sehingga lebih dua bulan masih belum menerima produk dijanjikan.

Buat adua Tribunal

Berikutan itu, sembilan pelajar UNIMAS tampil membuat aduan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna, Kuching, selepas menyedari mereka ditipu dan dipaksa bagi melabur dalam perniagaan terbabit.

Seorang lagi mangsa dikenali sebagai Mastura, 21, berkata dia hanya diterangkan mengenai pelaburan itu dalam tempoh 10 minit dan tidak sempat membaca dokumen perjanjian sebelum didesak menandatangani.

"Saya memang tidak bersetuju melabur kerana mahu mendapat kebenaran keluarga, namun wakil syarikat mengatakan perniagaan ini adalah perkara baik dan tidak perlu mendapat keizinan ibu atau ayah.

"Hanya selepas balik ke ko-

lej saya berasa ditipu malah sehingga hari ini didesak wakil syarikat agar mengajak dua rakan lain bagi membuat pelaburan sama namun saya enggan mematuhinya," katanya.

Ambil tindakan tegas

Sementara itu, pihak pentadbiran Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan mengambil tindakan tegas ke atas syarikat tertentu yang mengajak pelajar melabur dalam perniagaan tanpa kebenaran universiti.


Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Mohd Fadzil Abdul Rahman, berkata pelajar yang menjadi mangsa pelaburan terbabit sepatutnya memaklumkan perkara ini kepada pi-

hak pentadbiran.

Bimbang ramai jadi mangsa
Beliau berkata, pihaknya sehingga kini tidak mendapat sebarang maklumat mengenai kegiatan itu dan bimbang lebih ramai pelajar menjadi mangsa kepada kegiatan yang melanggar peraturan UNIMAS itu.

"Saya akan menyiasat perkara ini secara teliti dan berharap pelajar yang terbabit dalam perniagaan ini berjumpa dengan kami bagi membantu mengesan dalang utama.

"Adalah menjadi kesalahan melakukan kegiatan perniagaan di dalam kampus tanpa mendapat kebenaran pihak pentadbiran selain menjadikan pelajar sebagai sasaran mereka," katanya.



Pelajar IPTA kerugian lebih RM7,000 berikutan kes penipuan portal Pemasaran Pelbagai Peringkat menunjukkan borang laporan Tribunal Pengguna.

[FOTO NADIA JAMALUDDIN/BH]